

## KATA BILANGAN

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kakak amat menggemari telur ayam masak \_\_\_\_\_.  
A semua  
B seluruh  
C separuh  
D sesetengah
- 2 \_\_\_\_\_ kawasan lapang di belakang rumah Pak Dollah ditanam dengan sayur-sayuran.  
A Setiap  
B Segelintir  
C Sebilangan  
D Sebahagian
- 3 Syazwani gemar mengumpulkan \_\_\_\_\_ jenis setem luar negara.  
A berbagai  
B pelbagai  
C seluruh  
D segala
- 4 \_\_\_\_\_ orang penjenayah itu telah berjaya diberkas oleh pihak polis.  
A Ketiga  
B Tiap-tiap  
C Sesetengah  
D Kedua-dua
- 5 Lembu peliharaan Pak Samad ada \_\_\_\_\_ ekor?  
A beberapa  
B keempat  
C separuh  
D berapa
- 6 \_\_\_\_\_ helai kertas melayang apabila Kamariah menghempas fail ke atas mejanya.  
A Seluruh  
B Ribuan  
C Setengah  
D Beberapa
- 7 Haji Ahmad akhirnya meninggal dunia setelah \_\_\_\_\_ menderita penyakit angin ahmar.  
A berhari-hari  
B berabad-abad  
C bertahun-tahun  
D berkurun-kurun
- 8 \_\_\_\_\_ jenis cenderamata dijual di \_\_\_\_\_ gerai itu.  
A Pelbagai...setiap  
B Berbagai...semua  
C Beberapa...segala  
D Pelbagai...segala

- 9 \_\_\_\_\_ t ubuhnya terasa lemah \_\_\_\_\_ kali diserang demam panas.
- A Tiga suku ... sekalian  
B Setengah ... beberapa  
C Seluruh...sekalian  
D Seluruh...setiap
- 10 Tuan Zaidi mendermakan \_\_\_\_\_ daripada hartanya kepada anak-anak yatim.
- A sebahagian  
B sesetengah  
C beberapa  
D ribuan
- 11 \_\_\_\_\_ murid diwajibkan menyertai aktiviti kokurikulum.
- A Para  
B Setiap  
C Ribuan  
D Setengah
- 12 Majikan itu melayani \_\_\_\_\_pekerjanya dengan adil tanpa pilih kasih.
- A separuh  
B beberapa  
C sebahagian  
D semua
- 13 Pihak imigresen memeriksa \_\_\_\_\_badan penumpang kapal terbang sebagai langkah keselamatan.
- A seluruh  
B setengah  
C segelintir  
D beberapa
- 14 Aiman sudah diberitahu \_\_\_\_\_, tetapi dia tetap terlupa akan pesanan itu.
- A beberapa  
B beribu-ribu  
C berkali-kali  
D beratus-ratus
- 15 \_\_\_\_\_ hadirin dipersilakan menikmati jamuan ringan.
- A Para-para  
B Setengah  
C Segala  
D Para
- 16 \_\_\_\_\_ hujung bulan dia ke pasar raya itu untuk membeli-belah.
- A Semua  
B Setiap  
C Sesetengah  
D Beberapa
- 17 Stadium itu penuh sesak dengan \_\_\_\_\_ penyokong Pasukan Hijau Kuning.
- A puluhan  
B ribuan  
C setiap  
D separa

18 \_\_\_\_\_ buah tong yang hilang dipercayai mengandungi sisa toksik, ditemui di tepi belukar itu.

- A Beberapa
- B Setengah

- C Separuh
- D Sebahagian

19 \_\_\_\_\_ kali selepas bersolat, dia mengangkat \_\_\_\_\_ belah tangannya dan berdoa kepada Tuhan.

- A Beberapa...kedua
- B Pertama...semua

- C Setiap...kedua-dua
- D Setengah-setengah...dua

20 \_\_\_\_\_ pandangannya menjadi gelap apabila \_\_\_\_\_ belah matanya terkena semburan cecair itu.

- A Seluruh ... kedua-dua
- B Kedua-dua...seluruh

- C Setiap...kedua-dua
- D Seseengah...semua